

# VOKAM FILM COATED TABLET

Diclofenac Potassium (50mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VOKAM F.C TABLET
2. Bagaimana VOKAM F.C TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan VOKAM F.C TABLET
4. Cara menggunakan VOKAM F.C TABLET
5. Semasa menggunakan VOKAM F.C TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VOKAM F.C TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan VOKAM F.C TABLET

Ia digunakan untuk rawatan jangka pendek:

- Kesakitan selepas keadaan trauma keradangan seperti terseliuh, strain, dan dislokasi.
- Keradangan dan kesakitan selepas pembedahan
- rheumatoid arthritis* (penyakit keradangan yang mempengaruhi sendi)
- osteoarthritis* (penyakit sendi degeneratif)
- sakit tulang belakang
- migrain
- ankylosing spondylitis* (penyakit kronik keradangan tulang)
- gout
- melegakan kesakitan yang disebabkan oleh fraktur tulang

## Bagaimana VOKAM F.C TABLET

### berfungsi

VOKAM F.C. TABLET mengandungi bahan yang dipanggil Diclofenac. Diclofenac ialah *non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)* yang mengurangkan keradangan, kesakitan dan demam.

## Sebelum menggunakan VOKAM F.C TABLET

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan VOKAM F.C TABLET:

- jika mempunyai alahan atau hipersensitiviti terhadap Diclofenac, Aspirin, NSAIDs lain, atau sebarang bahan yang disenaraikan di penghujung risalah ini
- jika anda mempunyai asma, *rhinitis* (keradangan mukos membran hidung), urtikaria (gatal-gatal) dan simptom yang menjadi teruk yang disebabkan oleh Aspirin atau NSAID.
- jika anda pernah mengalami, disyaki mempunyai ulser atau pendarahan perut dan usus.

### -Sebelum menggunakan VOKAM F.C TABLET

Beritahu doktor anda sekiranya:

1. anda mempunyai sebarang masalah jantung atau strok.
2. anda mempunyai tekanan darah tinggi
3. anda mempunyai atau pernah mempunyai ulser, pendarahan dan penembusan pada perut dan usus
4. VOKAM F.C TABLET boleh mengakibatkan alahan kulit yang teruk, seperti *exfoliative dermatitis, toxic epidermal necrolysis, Steven-Johnson Syndrome*. Simptom termasuk ruam kulit, lepuh dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, berhenti penggunaannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.
5. anda mengalami masalah hati atau buah pinggang
6. anda mempunyai masalah darah
7. Sila rujuk doktor anda sebelum menggunakan VOKAM F.C TABLET jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko pengambilan VOKAM F.C TABLET terhadap manfaat yang mereka jangkakan kepada anda.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doctor anda sekiranya anda mengambil ubat lain, termasuk apa-apa yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat apabila diambil bersama VOKAM F.C TABLET boleh bertindak balas sesame sendiri. Ini termasuk:

1. *Lithium*, untuk kemurungan
2. *Digoxin*, ubat untuk jantung
3. *Anticoagulants*, ubat untuk penipisan darah
4. *antidiabetic agents*, untuk kencing manis
5. *Cyclosporine*, ubat yang digunakan selepas pemindahan organ.
6. *Methotrexate*, ubat digunakan untuk merawat *rheumatoid arthritis*, dan beberapa jenis kanser
7. *Quinolone Antibacterials*, untuk jangkitan
8. *Diuretics*, pil air
9. *Anti-hypertensives*, untuk tekanan darah tinggi
10. NSAID lain

## Cara menggunakan VOKAM F.C TABLET

### -Berapa banyak harus digunakan

Dos dewasa biasa: 100-150mg pada permulaan, 75-100mg dalam kes yang lebih ringan dan dibahagikan kepada 2-3 dos. Migrain: 50mg pada permulaan, jika kesan tidak mencukupi selepas 2 jam, tambahkan lagi dos 50mg dan diambil selang setiap 4-6 jam, tidak melebihi 200mg sehari.

Kanak-kanak berumur lebih dari 14 tahun: 75-100mg dalam 2-3 dos.

VOKAM F.C TABLET tidak disarankan untuk penggunaan kanak-kanak dibawah 14 tahun.

### -Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda jika anda merasakan anda atau orang lain mungkin telah mengambil ubat ini secara berlebihan.

Lakukan ini walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Pengambilan tablet secara berlebihan boleh mengakibatkan tekanan darah rendah, kegagalan buah pinggang, sawan, kerengsaan perut dan usus dan gangguan penafasan.

## Semasa menggunakan VOKAM F.C TABLET

### -Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan VOKAM F.C TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

**-Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

**-Perkara yang perlu diberi perhatian**

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan VOKAM film coated tablet terhadap anda.

**Kesan-kesan sampingan**

VOKAM F.C. TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan seperti:

-Gangguan perut dan usus seperti cirit-birit, loya dan muntah, kejang perut, pendarahan perut dan usus dan ulser, dan kerosakan usus besar.

-Sistem saraf: Sakit kepala, pening, mengantuk, dan gangguan ingatan.

-Masalah kulit: Ruam atau letusan kulit.

-Kes keguguran rambut, letusan bullous, *erythema multiforme*, *Stevens Johnson syndrome*, *toxic epidermal necrolysis (Lyell's syndrome)*, dan tindak balas photosensitiviti telah dilaporkan.

-Buah pinggang: Kecederaan buah pinggang seperti Kekurangan akut buah pinggang, kencing yang tidak normal (contohnya hematuria, proteinuria), *nefritis interstitial*, sindrom nefrotik, nekrosis palpilari.

-Masalah hati.

- Gangguan darah seperti *thrombocytopenia*, *leucopenia*, *agranulocytosis*, *haemolytic anaemias*, *aplastic anaemia*.

-Tindak balas alahan yang teruk.

-Gangguan kardiovaskular.

Seperti ubat-ubatan yang lain, VOKAM F.C TABLET boleh mengakibatkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapatnya.

Jumpa doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer→ Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan**

**-Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 25°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

**-Pelupusan**

Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Tablet bulat bersalut filem yang berwarna merah kecoklatan.

**-Bahan-bahan kandungan**

**- Bahan aktif**

Diclofenac Potassium

**- Bahan tidak aktif**

Microcrystalline cellulose, Dibasic H<sub>2</sub>O, Polyvinylpyrrolidone, Sodium starch glycolate, Sodium lauryl sulfate, Magnesium stearate, Colloidal silicon dioxide, Talc, Opadry brown, Opadry yellow, Ethanol 96%.

**-Nombor MAL**

MAL 08031380AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,

Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

28/01/2016

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)280116/00018